

Title : BERDASARKAN KEPADA KAJIAN KES PILIHAN RAYA UMUM
DUN SABAH 2020, JELASKAN BAGAIMANAKAH KAJIAN TERSEBUT
DAPAT MENGAPLIKASI LANGKAH-LANGKAH MENJALANKAN
PENYELIDIKAN

Author(s) : IRFAZRINA BINTI ISMAIL

Institution : NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA

Category : Article, Competition

Topic : Politics



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*National University
of Malaysia*

TAJUK

“BERDASARKAN KEPADA KAJIAN KES PILIHAN RAYA UMUM DUN
SABAH 2020, JELASKAN BAGAIMANAKAH KAJIAN TERSEBUT DAPAT
MENGAPLIKASI LANGKAH-LANGKAH MENJALANKAN PENYELIDIKAN”

PENSYARAH

DR. JUNAIDI AWANG BESAR

DISEDIAKAN OLEH

IRFAZRINA BINTI ISMAIL (A181736)

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 PERMASALAHAN KAJIAN	2
3.0 OBJEKTIF KAJIAN.....	4
4.0 SKOP KAJIAN	5
5.0 METODOLOGI KAJIAN.....	5
5.1 Reka Bentuk Kajian	5
5.2 Kaedah Kutipan Data	5
5.2.1 Data Primer.....	6
5.2.3 Data Sekunder	6
6.0 KAWASAN KAJIAN	6
7.0 DEFINISI KONSEP	8
8.0 KAJIAN LEPAS.....	12
9.0 KEPENTINGAN KAJIAN	16
10.0 SEBAB PILIHAN RAYA NEGERI DUN SABAH DIADAKAN.....	17
11.0 PENGUMUMAN OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)	19
12.0 HARI PENAMAAN CALON.....	20
13.0 SENARAI CALON PILIHAN RAYA NEGERI SABAH	21
14.0 PERJALANAN KEMPEN PILIHAN RAYA NEGERI SABAH	22
14.1 Kaedah Tradisional	23
14.2 Kaedah Alternatif melalui Sosial Media	24
15.0 ISU-ISU NEGERI SABAH.....	25
16.0 HARI PENGUNDIAN	27
17.0 KEPUTUSAN PILIHAN RAYA NEGERI SABAH	29
18.0 FAKTOR KEMENANGAN DAN KEKALAHAN.....	30
18.1 Kemenangan GRS.....	30
18.2 Kekalahan Warisan Plus.....	31
19.0 POLA PENGUNDIAN DAN KEPUTUSAN PRU DUN SABAH	32
20.0 IMPAK PILIHAN RAYA NEGERI SABAH 2020	35
KESIMPULAN	37

1.0 PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara merdeka telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan mengadakan Pilihan Raya Umum sejak tahun 1955 di bawah pentadbiran raja berperlembagaan. Malaysia diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipilih daripada sembilan sultan negeri Melayu untuk berkhidmat selama lima tahun sebagai Ketua Negara dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera. Sistem ini adalah berdasarkan sistem Westminster kerana Malaysia merupakan bekas tanah jajahan British. Kuasa eksekutif ditetapkan oleh kabinet yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Berdasarkan perlembagaan Malaysia, Perdana Menteri mestilah seorang anggota Dewan Rakyat manakala kabinet merupakan ahli parlimen yang dipilih daripada Dewan Rakyat atau Dewan Negara oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem parlimen dwidewan.

Sebelum bergabung dengan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, Sabah yang dikenali sebagai Borneo Utara adalah sebahagian daripada Kesultanan Brunei pada abad ke-16 sementara pantai timur laut negeri ini menjadi sebahagian daripada Kesultanan Sulu yang berpusat di selatan kepulauan Filipina. Pada 16 September 1963, Borneo Utara bersama Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura membentuk Persekutuan Malaysia dan sejak itu ia dikenali sebagai Sabah. Negeri Sabah, yang terletak di Malaysia Timur ini terkenal dengan komposisi etniknya yang pelbagai berdasarkan lokasi geografinya.

Secara umumnya, Sabah mempunyai 32 kumpulan etnik dengan 28 daripadanya yang diiktiraf sebagai Bumiputera, misalnya adalah seperti berikut iaitu: Kadazan-Dusun, Bajau, Melayu Brunei, Murut, Bumiputera lain (kaum Rungus, Murut, Iranun, Bisaya, Tatana, Lun Bawang dan Lun Dayeh, Tindal, Kadazan, Tobilung, Kimaragang, Suluk, Ubian, Tagal, Timogun, Nabay, Kedayan, Orang Sungai, Makiang, Minokok, Mangka'ak, Dusun, Lobu, Bonggi, Tidong, Bugis, Ida'an (Idahan), Begahak, Kagayan, Talantang, Tinagas, Banjar, Gana, Kujau, Tombonuo, Dumpas, Peluan, Baukan, Sino, Dayak dan Iban), Cina (suku Hakka) serta Bukan Bumiputera lain dan Warga Asing (Filipina, Indonesia).

Justeru tujuan penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk mengaplikasikan langkah-langkah menjalankan penyelidikan dalam kajian kes yang terpilih, iaitu Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah 2020. Melalui penjelasan khusus tentang kajian kes ini maka adalah diharapkan kertas kajian ini dapat memberi pemahaman tentang perkembangan politik dan pilihan raya semasa di Sabah secara khususnya, agar ianya selari dengan prinsip demokrasi sebenar yang cuba dicapai bersama.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Umum sedia maklum bahawa dalam usaha untuk mengekang wabak pandemik Covid-19, rakyat Sabah telah berhadapan dengan kemelut politik yang tidak disangka-sangka. Keputusan kerajaan Sabah di bawah tampuk pimpinan Parti Warisan Sabah untuk membubarkan DUN adalah disebabkan oleh pengumuman Musa Aman yang mendakwa memiliki majoriti mudah bagi membentuk kerajaan Sabah. Shafie Apdal, yang merupakan Presiden Parti Warisan Sabah, merangkap Ketua Menteri Sabah mengambil keputusan pembubaran tersebut setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Juhad Mahiruddin dan pemakluman rasmi telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 30 Julai 2020. Demikianlah, berdasarkan Perkara 21(4) Perlembagaan Negeri Sabah, sebuah pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran DUN, menurut Setiausaha SPR.

Lantaran itu, keputusan membubarkan DUN Sabah ketika pandemik Covid-19 ini juga adalah sesuatu yang sangat menggusarkan rakyat Sabah walaupun pada masa yang sama kelihatan sebagai keputusan yang baik bagi mengembalikan kuasa rakyat menentukan wakil rakyatnya dengan syarat gerak kerja jentera politik harus dijalankan dalam keadaan yang sangat berjaga-jaga bagi memastikan tiada penularan berlaku seterusnya mengakibatkan kluster jangkitan baru di Sabah. Gagasan rakyat Sabah dalam menentukan parti pemerintah dan wakil rakyat pada PRU DUN kali ini bersandarkan kepada “wajah baharu” kerana pemain politik lama di blok kerajaan mahupun pembangkang terkait dengan skandal politik atau daripada parti yang bobrok. Sementara di lapangan, orang ramai masih tidak boleh menerima Musa Aman menjadi

Ketua Menteri Sabah semula kerana umum sedia maklum 46 tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram berhubung kontrak konsesi balak di Sabah yang dihadapi menjejaskan kredibilitinya untuk memerintah semula negeri tersebut meskipun Mahkamah Tinggi pada akhirnya membuat keputusan untuk melepaskan dan membebaskannya daripada semua tuduhan oleh kerana pihak pendakwaan menarik balik semua tuduhan terhadap Musa. Pada sisi kerajaan pula, propaganda “sokong parti tempatan” atau “Sabah for Sabahan” oleh Parti Warisan Sabah pada PRU14 yang lalu menjadi retorik yang tidak tahan lama. Rakyat Sabah turut memantau potensi Warisan dalam misi mengembalikan politik rakyat di Sabah namun, pembawaan parti itu yang dilihat gagal menguruskan bantuan rakyat sepanjang berlakunya pandemik Covid-19 di Sabah dan tiada kesungguhan menunaikan manifesto menjadikan kelompok penggerak dan penyokongnya kecewa dan mula membawa haluan sendiri.

Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah yang tular menjadi kelemahan kepada Warisan kerana parti itu sejak mula menjadi kerajaan di Sabah, sering dikaitkan dengan PATI dan kelihatan pro-PATI antaranya melalui cadangan pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) kepada warga asing di Sabah. Rentetan fenomena ini, Sabah kini sedang berhadapan dengan kebanjiran orang tanpa dokumen dan orang tanpa identiti nasional yang tidak terurus serta tidak mendapat hak-hak asas seperti kesihatan, akses pendidikan dan keselamatan. Polemik mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi tular semula rentetan kenyataan Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina pada 27 Julai 2020 yang mendakwa Sabah bukan sebahagian daripada Malaysia turut menyentuh isu kedaulatan Malaysia dan sekaligus menjadi ancaman keselamatan kepada Sabah sedangkan trauma rakyat atas pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 masih berlegar dalam setiap memori. Setahun yang lalu pada Februari 2019, hal yang sama turut dinyatakan oleh Duta Filipina ke Malaysia, Charles Jose yang bertegas mengekalkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Dari sudut keselamatan, Pantai Timur Sabah misalnya di Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna and Tawau antara yang lebih terdedah dengan ancaman keselamatan di perairan. Kes penculikan di perairan Sabah daripada tahun 2014 hingga tahun 2020 kebanyakannya berlaku di

Pantai Timur Sabah sekaligus menjadi risiko tinggi kepada para pelaut walaupun sebuah kawasan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) telah diwartakan sejak 2013 berikutan dengan krisis pencerobohan yang berlaku. Di samping itu, kes-kes penyeludupan syabu dan dadah juga masih berleluasa kian hari turut membimbangkan lagi rakyat Sabah terhadap keselamatan di tanah air sendiri.

Justeru, isu perebutan kuasa dalam spektrum parti politik di Sabah termasuk keengganan wakil rakyat dalam melaksanakan amanah kepada rakyat serta isu keselamatan dan warga asing menjadi kegusaran rakyat Sabah. Selain itu, ketidakseimbangan politik yang kemudiannya menjadi buncah akibat ketiadaan kuasa oposisi yang kuat pasca pemerintahan kerajaan Warisan sebelum ini telah menjadi kelompongan besar kerana ketiadaan semak imbang dan pencabar yang membawa aspirasi berbeza di Sabah. Demikianlah, pembubaran DUN dan pelaksanaan PRU DUN Sabah 2020 adalah jalan terbaik bagi menyelesaikan kemelut politik ini walaupun sebahagian berpandangan bahawa ianya berlaku pada masa yang tidak sesuai. Justeru kajian ini dilakukan bertujuan untuk membuktikan sejauhmanakah kegusaran tersebut memberi impak kepada senario politik kini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan perkara yang penting dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana objektiflah yang menentukan hala tuju semasa kajian. Kajian tanpa objektif adalah kajian yang tidak terarah kerana kerana tidak mempunyai matlamat serta tujuan sesuatu kajian itu dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memastikan beberapa objektif yang perlu dilengkapkan dalam memastikan kajian ini tidak terkeluar dari skop kajian yang sebenar. Antaranya ialah:

1. Untuk mengaplikasikan langkah-langkah menjalankan penyelidikan berdasarkan kepada kajian kes pilihan raya umum DUN Sabah 2020.
2. Untuk mengenal pasti antara calon yang bertanding dan isu yang dibangkitkan serta faktor menang-kalah.

3. Untuk menganalisis keputusan serta pola pengundian rakyat Sabah semasa pilihan raya umum DUN Sabah 2020.
4. Untuk mengkaji impak pilihan raya umum DUN Sabah 2020 kepada politik dan sosioekonomi negara.

4.0 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, skop kajian ini adalah tertumpu sepenuhnya kepada hasil kajian dan perbincangan semasa PRU DUN Sabah 2020 sahaja. Skop bidang kajian (struktural) dan skop masa (temporal) ini justeru tidak dapat diaplikasikan untuk menerangkan fenomena pilihan raya di tempat dan masa lain kerana aspek seperti pola pengundian adalah berbeza antara satu ruang/waktu ke satu ruang/waktu yang lain. Skop bahan kajian turut terbatas di mana data-data pengundian hanya dapat diakses di atas talian tanpa sebarang temu bual bersemuka secara langsung dapat diadakan oleh kerana penularan wabak Covid-19 kini.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif. Data daripada kajian ini diperolehi melalui kajian data dan juga kajian literatur. Manakala, pendekatan kajian ini pula ialah menganalisis data pengundi keputusan PRU DUN Sabah 2020 dengan mengambil kira data seperti jumlah kerusi yang bertanding dan jumlah kerusi yang menang.

5.2 Kaedah Kutipan Data

Dalam konteks pengumpulan data, dua jenis kaedah telah digunapakai bagi memberi penjelasan terhadap pilihan raya dan pola pengundian dalam kalangan pengundi di negeri Sabah pada tahun 2020.

5.2.1 Data Primer

Antaranya adalah kaedah data primer iaitu melalui pendekatan analisis data keputusan PRU DUN Sabah 2020 yang bersifat kuantitatif. Perkara ini diambil sebagai asas kajian kerana dianggap lebih sesuai dengan topik kajian yang cuba diketengahkan tanpa masalah seperti bias yang akan menjadikan data tersebut tidak boleh dipercayai tahap integritinya. Hal ini demikian kerana data kuantitatif memerlukan ukuran numerikal secara saintifik dan tepat seterusnya setiap justifikasi terhadap penelitian tersebut adalah bersandarkan kepada data yang tercatat semata-mata tanpa sebarang prejudis dan diskriminasi.

5.2.3 Data Sekunder

Selain itu, kaedah pengumpulan data yang kedua adalah secara data sekunder iaitu penyelidik akan merujuk kepada rakaman bertulis seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan juga artikel jurnal. Bukan itu sahaja, data sekunder juga merupakan sumber data yang berbentuk kualitatif diperoleh secara langsung melalui sumber internet bagi menulis kajian ini. Sumber internet sebagai data sekunder telah memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat dengan pantas dan cepat dalam penulisan kajian ini. Lantaran itu, kebaikan menggunakan sumber internet sebagai data sekunder penyelidik dapat menambahkan bahan bukti dalam kajian ini serta mendapatkan kajian lepas daripada sumber internet dengan mudah. Oleh itu, data sekunder penting untuk menulis sebuah kajian yang tepat dan jelas. Secara tuntasnya, penghasilan kajian ini adalah dipermudahkan dengan melalui proses pembacaan daripada sumber internet dan sumber sekunder ini akan membantu penyelidik mendapat kajian lepas yang terkini melalui laman web.

6.0 KAWASAN KAJIAN

Negeri Sabah atau turut dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu oleh kerana kedudukannya yang berada pada laluan angin monsun ini merupakan negeri yang

tidak dapat dinafikan mempunyai komposisi etnik yang menarik. Gunung Kinabalu yang menjadi salah satu simbol utama negeri ini merupakan gunung tertinggi di Kepulauan Borneo dan diiktiraf sebagai gunung kesepuluh tertinggi di Asia Tenggara. Sejarah kewujudan negeri di bawah bayu ini boleh dijejaki semula pada kira-kira 30 000 tahun dahulu dengan terdapatnya kewujudan bukti penempatan manusia. Sejarah Sabah juga termasuk dalam sejarah Brunei dan sejarah Malaysia yang sebelum ini merupakan sebahagian dari Brunei dan kini Malaysia. Sejarah terawal yang direkodkan di Sabah ketika tamadun bermula adalah pada abad ke-15 ketika era Kesultanan Brunei (Rozan 2008). Bahagian timur Negara Sabah telah diserahkan kepada Sultan Sulu oleh Sultan Brunei kerana membantu menewaskan musuh Brunei, namun terdapat juga sumber mengatakan ianya tidak pernah diserahkan kerana tentera Sulu tidak turut serta dalam perang tersebut dan dikatakan hanya tiba ketika perang telah tamat namun Sultan Sulu tetap berhasrat untuk menuntut sebahagian daripada Sabah daripada Sultan Brunei.

Kepadatan penduduknya sehingga 2020 dianggarkan adalah berjumlah 3.91 juta orang termasuk lebih sejuta penduduk bukan warganegara. Walau bagaimanapun, jumlah pengundi berdaftar pada PRU 2020 di Negeri Sabah ialah seramai 1 124 598 orang yang terdiri daripada pelbagai komposisi etnik dan kategori pengundi. Komposisi pengundi mengikut etnik berdasarkan statistik etnik di Sabah bagi Ogos 2020 ialah Melayu 13.80 peratus, Cina 15.26 peratus, India 0.33 peratus, Bumiputera Sabah 64.10 peratus, Bumiputera Sarawak 0.73 peratus, Orang Asli 0.01 peratus dan lain-lain 5.78 peratus. Negeri Sabah merupakan negeri kedua paling besar di Malaysia dengan keluasan tanah 73 610 km persegi. Sabah yang kaya dengan sumber-sumber semula jadi seperti hutan, galian, fauna, flora hinggalah ke hidupan laut. Lebih kurang 60 peratus daripada tanahnya diliputi dengan hutan rimba manakala kawasan tanah pertanian merangkumi 30 peratus. Sumber perhutanan dan pertanian adalah penyumbang utama kepada sumber pendapatan negeri Sabah. Bahan mentah seperti minyak, tembaga, emas dan batu kapur juga didapati di negeri ini. Meskipun begitu, Sabah adalah antara negeri yang berpendapatan rendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (Sinar Harian Online 2020). Sehingga kini, masalah kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan raya dan liputan jaringan telekomunikasi kekal menjadi isu utama di Sabah.

Sehubungan dengan itu, kerajaan Sabah akan melancarkan hala tuju baharu ke arah melonjakkan semula pertumbuhan ekonomi negeri menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) 2021-2025 (Izwan 2020). Datuk Hajiji Noor yang juga merangkap sebagai Ketua Menteri Sabah ke-16 semasa pembentangan Belanjawan 2020, menerangkan selain fokus menangani isu kesihatan awam, kerajaan turut memulakan usaha merangka strategi merangsang pembangunan negeri untuk membawa Sabah keluar daripada kesan pandemik COVID-19 (Borneo Today Online 2020). Jelasnya, hala tuju baharu pembangunan Sabah itu penting sebagai panduan kerajaan baharu Gabungan Rakyat Sabah (GRS) untuk membawa negeri Sabah ke arah kemajuan.

7.0 DEFINISI KONSEP

Antara istilah yang terdapat dalam konteks bidang kajian yang perlu didefinisikan dengan jelas ialah:

- **Pilihan Raya Umum**

Pilihan Raya Umum (PRU) merupakan proses demokrasi yang diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan atau terbuang sendiri selepas tamat tempoh 5 tahun. Sejak tahun 1957, Malaysia mengekalkan sistem politik pelbagai parti di mana parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Sistem yang digunakan di Malaysia berasaskan '*First-Past-The-Post-System*', bermakna calon-calon yang memperoleh majoriti akan diisytihar pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan.

- **Dewan Undangan Negeri**

Dewan Undangan Negeri (DUN) merujuk kepada perwakilan yang dipilih daripada kawasan pilihan raya kerusi perseorangan semasa pilihan raya negeri menerusi sistem

pemenang undi terbanyak dan dikenali sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Selain itu, DUN di Malaysia secara umumnya turut terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri sebagai ketua negeri yang akan mengetuai persidangan dari semasa ke semasa dan seorang Speaker atau Yang di-Pertua Dewan sebagai pengerusi perhimpunan perundangan tersebut.

Sebelum memegang sebarang kerusi dalam Dewan Undangan Negeri, setiap ahli dimestikan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan Undangan Negeri. Ahli tersebut hendaklah bersumpah atau berjanji bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli Dewan sebaik mungkin dan taat setia kepada negeri dan Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan perlembagaan.

● **Politik**

Politik merupakan faktor penting yang perlu diberikan perhatian dalam rangka memahami bentuk dan sifat hubungan etnik dalam sesebuah masyarakat plural seperti di Malaysia. Hal ini kerana, politik sering dikaitkan dengan kuasa, pembentukan dan pelaksanaan dasar. Politik memberikan kuasa kepada sesuatu kelompok atau rejim untuk melaksanakan sesuatu mengikut hajat dan landasan pemikiran atau ideologi mereka. Selepas memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia ialah negara yang mengamalkan sistem politik dan pemerintahan serta kerajaan yang berlandaskan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan. Dalam sistem demokrasi, kerajaan dipilih melalui pilihan raya secara berkala yang diadakan sekali dalam tempoh lima tahun. Pilihan raya diadakan bagi memperbaharui mandat yang diperoleh bagi sesebuah kerajaan memerintah yang berasaskan prinsip demokrasi.

● **Politik Kepartian**

Menurut Sartori (2005), politik kepartian ialah sekumpulan orang yang bergerak secara bersama untuk mencapai matlamat politik yang sama. Perkataan '*party*' merujuk kepada '*part*' yang bermaksud bahagian atau pecahan. Kelahiran parti-parti politik merupakan resam kepada sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan perkara utama yang perlu dilakukan ialah menghantar calon untuk

bertanding semasa pilihan raya. Sekiranya calon daripada sesebuah parti politik tersebut berjaya memenangi pilihan raya tersebut dan membentuk kerajaan, maka matlamat atau ideologi yang dibawa akan diusahakan untuk dicapai berdasarkan dasar-dasar yang digubal.

● **Sentimen**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, sentimen ialah sebuah perkataan yang berkaitan dengan rasa. Perkataan "sentimen" juga dapat dikategorikan sebagai kata nama mahupun kata adjektif. Sebagai kata nama, sentimen bermaksud; (1) pendapat atau pandangan yang didasarkan pada perasaan sesuatu yang berlebihan (bertentangan dengan pemikiran, (2) emosi yang berlebihan dan (3) reaksi yang tidak baik. Sebagai kata sifat, sentimen bermaksud cemburu, tidak senang hati, membalas dendam. Penggunaan kata sentimen baik sebagai kata nama dan sebagai kata adjektif, keduanya membawa kepada konotasi negatif daripada akal budi manusia. Sesuatu yang seharusnya ditangani dalam ranah rasional pada mulanya namun dipenjarakan dalam kandang emosi seseorang manusia itu sendiri.

● **Partisipasi Politik**

Fatimah dan Ali (2015) menjelaskan partisipasi politik sebagai penyertaan warganegara dalam pelbagai tahap proses politik. Penyertaan rakyat dalam proses politik tidak hanya bermaksud warganya yang mendukung keputusan atau dasar yang telah digariskan oleh pemimpin, kerana jika ini terjadi maka istilah yang tepat adalah mobilisasi politik. Sementara, partisipasi merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan. Sama ada secara langsung, iaitu memberi kesan dalam penggubalan atau pelaksana dasar awam. Manakala secara tidak langsung dengan mempengaruhi dalam pemilihan siapa bakal berkuasa menggubal dasar.

- **Retorik**

Perkataan yang berakar daripada bahasa Yunani ini membawa maksud kepada seni atau teknik memujuk yang disalurkan melalui bahasa lisan, visual atau tulisan. Sementara aspek logik menekankan ujian dan penciptaan ilmu baharu melalui proses soal dan jawab manakala retorik pula menekankan kaedah atau cara memujuk yang biasanya digunakan dalam tempat-tempat awam seperti di Dewan Perhimpunan dan sebagainya. Retorik banyak digunakan dalam masyarakat demokratik dengan prinsip kebebasan bersuara berpersatuan dan kebebasan berpolitik dengan syarat tidak bercanggah dengan Perlembangan Persekutuan dan undang-undang yang ditetapkan.

- **Politik Identiti**

Politik identiti adalah bentuk analisis sosial dan tindakan politik oleh kumpulan yang berlatarbelakang agama, fahaman, budaya, kaum, amalan dan ideologi ke atas kumpulan yang lebih dominan dan majoriti serta berkuasa (Garza 2019). Istilah identiti politik juga merujuk kepada pendekatan politik di mana orang tertentu agama, perlumbaan, latar belakang sosial, kelas atau faktor pengenalan lain mengembangkan agenda politik dan mengatur berdasarkan sistem penindasan yang saling berkaitan yang mempengaruhi kehidupan mereka dan berasal dari pelbagai identiti mereka. Politik identiti memusatkan pengalaman hidup mereka yang menghadapi pelbagai sistem penindasan untuk lebih memahami cara-cara di mana perkauman, ekonomi, jantina dan bentuk penindasan lain dihubungkan dan untuk memastikan bahawa agenda politik dan tindakan politik yang timbul dari politik identiti tidak meninggalkan siapa pun di belakang.

- **Persepsi**

Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu yang akan menjadi tanggapan dan pegangan kepada diri. Jika tanggapan itu buruk, sukarnya untuk mengubah kepada yang baik. Begitulah juga sebaliknya. Menurut perspektif psikologi, persepsi bermaksud bagaimana kita memberi maklum balas terhadap segala maklumat yang

kita terima. Ini bermakna persepsi merupakan suatu proses penerimaan maklumat daripada pelbagai sumber bagi tujuan berinteraksi dengan persekitaran pula. Setiap persepsi akan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada individu untuk dimanfaatkan dalam hidup mereka.

- **Isu**

Di Malaysia isu yang terpenting dibincangkan ialah ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Isu disampaikan melalui kempen sama ada melalui media cetak, elektronik mahupun secara langsung seperti ceramah dan rapat umum. Kempen adalah penting dalam setiap pilihan raya bagi menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi (Ranney 1993). Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti politik dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Strategi kempen moden dilakukan melalui saluran media berbayar atau tidak berbayar untuk memastikan penonjolan calon yang terbaik. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan.

8.0 KAJIAN LEPAS

Cox dan McCubbins (1986) menyatakan model pengundian elektoral semasa pilihan raya biasanya menyediakan sebuah analisis namun persoalan politik konstituensi dalaman kekal menjadi tanda tanya: konstituensi dimodelkan hanya sebagai pembahagian titik ideal. Melihat platform kempen sebagai pengagihan semula kesejahteraan yang dijanjikan, penulis berpendapat bahawa strategi optimum bagi calon yang menghindari risiko adalah dengan menjanjikan pengagihan semula terlebih dahulu dan terpilih ke kawasan pemilihan semula mereka dan dengan itu untuk mengekalkan gabungan politik yang ada. Moisiso (2015) turut menjelaskan geografi politik global sedang mengalami kebangkitan minat ilmiah setelah bertahun-tahun mengabaikan. Ketiga-tiga buku yang dikaji memberikan rentak pemikiran baru yang baik, yang menangani tiga masalah utamanya: peranan skala geografi (tempatan, serantau, nasional, global). Dalam mewujudkan identiti politik; amalan geopolitik

sebagai bentuk kekuatan atau pengetahuan dan pergeseran "campuran" skala geografi di mana ekonomi dunia dan, semakin, politik dunia diatur. Herb dan Kaplan (1999) mendakwa bahawa identiti politik tidak lagi dapat disamakan dengan identiti nasional yang tetap atau stabil. Sementara Tuathail (1996) berpendapat bahawa kandungan geopolitik tersirat dalam praktik dasar luar di samping menunjukkan bahawa dunia sedang dalam masa peralihan dari geografi politik yang didasarkan terutama pada bentuk wilayah negara ke wilayah yang disusun dengan merujuk kepada rangkaian wilayah kota global yang baru muncul.

Begitu juga dengan Fedorov (2020) menjelaskan antara kaedah yang paling berkesan untuk meramalkan keputusan pilihan raya presiden di Amerika Syarikat adalah kaedah yang disebut "*13 keys to The White House*", yang diciptakan oleh ahli politik Amerika A. Lichtman dan ahli matematik V. Keilis-Borok. Kaedah ini berdasarkan analisis tradisi budaya politik dan proses politik. Sementara Walker dan Garraway (2020) mendapati faktor utama kemenangan Labour Party sewaktu pilihan raya umum 2020 di New Zealand disebabkan oleh kerana kompetensi pemerintahnya, Jacinda Ardern dalam menangani wabak pandemik Covid-19. Penduduk Amerika Syarikat juga turut menilai penularan pandemik ini sebagai isu utama bagi menentukan siapa yang harus dipilih dan juga topik berkaitan seperti ekonomi dan penjagaan kesihatan. Justeru, Biden memenangi pilihan raya dengan memperoleh 306 undi berbanding 232 dimiliki oleh Trump (Walker 2021). Istilah demokrasi ini dikatakan dicipta daripada dua perkataan bahasa Yunani yang terdiri daripada 'demos' yang diterjemahkan sebagai the people atau rakyat dan 'kratia' yang bermaksud pemerintahan, maka dapatalah ditafsirkan demokrasi sebagai kuasa rakyat (Wong 2021). Antara persoalan yang diutarakan oleh Roskin (2000) tentang hubungkait demokrasi dan parti politik ialah "can you have a democracy without competing parties?". Persoalan ini dalam konteks sebuah negara demokrasi seperti Malaysia sewajarnya lebih mudah difahami oleh masyarakatnya kerana negara ini mengamalkan sistem berbilang parti di mana tanpa persaingan antara parti politik, maka adalah sukar untuk mengatakan bahawa sesebuah negara berkaitan adalah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Funston (2019) mendapati tumbangannya sesebuah kerajaan terdiri daripada United Malays National Organisation (UMNO) dan sekutunya dalam gabungan Barisan Nasional (BN) yang sudah berakar lama setelah 60 tahun disebabkan oleh isu rasuah, kelemahan strategi

kempen dan koalisi antara pembangkang yang menyebabkan kekalahan BN buat julung kali.

Jika dilihat daripada senario politik Sabah yang dilakar sejak pilihan raya negeri Sabah 1976 sehinggalah sekarang, sejarah politiknya adalah menarik untuk diteliti bersama. Justeru, Sualim (1980) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pengundi menilai pembangunan sosioekonomi Sabah sejak sebelum PRU 1976, oleh itu pembangunan dijadikan modal politik yang berkesan dalam PRU tersebut. Hal ini demikian kerana Rogers (1977) mendapati bahawa tahap kesedaran dan penglibatan masyarakat Melayu dalam politik pilihan raya pada masa itu adalah rendah disebabkan oleh taraf pendidikan mereka ketika itu yang masih rendah menjadikan mereka tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan politik pilihan raya. Secara langsung menyebabkan pola pengundian masyarakat setempat lebih cenderung kepada isu-isu setempat sahaja tanpa melihat kepada kaitan signifikan penglibatan mereka dalam pilihan raya dengan sistem pemerintahan dan pembangunan negara secara umumnya. Perkara ini dibuktikan lagi oleh Tay (1993) yang menjelaskan peratusan keluar mengundi adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar berbanding bandar. Pengaruh sosioekonomi mempunyai kesan yang sama terhadap tingkah laku pengundi kecuali jantung. Begitu juga dengan Rizal Zamani (2008) yang menjelaskan isu korupsi, kronisme dan nepotisme tidak mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik dalam PRU 2008 di kawasan Tuaran dan Kota Belud sebaliknya mereka lebih mementingkan pembangunan di kawasan mereka.

Selain isu pembangunan negeri, Rizal & Jumat (2002) turut mendapati bahawa politik perkauman masih wujud pada pilihan raya di Sabah dengan jelas pada pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1999. Malahan faktor etnik masih relevan dalam pola pengundian di Malaysia sehingga kini dan akan sentiasa menjadi bahan dalam kempen pilihan raya di negara ini. Hal ini demikian kerana menurut Kitingan & Ongkili (1989), isu utama pilihan raya sepanjang 25 tahun terdahulu (1963-1986) negeri Sabah ialah isu perkauman dan agama. Justeru, latar belakang kaum dan agama seseorang calon akan memberi kesan yang besar kepada kemenangan dan kekalahan mereka di sesuatu kawasan. Namun, menjelang kemasukan UMNO dalam BN pada tahun 1987 di Sabah telah menyemarakkan isu pembangunan dan menjadi tema utama

dalam pilihan raya. Kini, selepas lebih 20 tahun, tema pembangunan masih lagi diguna pakai oleh BN dalam pilihan raya umum di Sabah. Danny (2011) menjelaskan bahawa politik Sabah tetap masih kuat dipengaruhi politik pembangunan dan menjadi simpanan tetap simpanan tetap bagi BN. Suasana ini mungkin akan terus berlaku untuk satu tempoh tertentu pada masa depan, khususnya di kawasan luar bandar. Zaini (2011) melalui kajian beliau dalam PRK Batu Sapi menghujahkan bahawa unsur politik pembangunan terus menjadi pertimbangan utama pilihan politik pengundi di kawasan tersebut dan mereka sudah selesa dengan pemerintahan gaya BN justeru mereka terus mengekalkan hegemoni politik BN di kawasan Pantai Timur Sabah tersebut.

Selanjutnya, berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan oleh Junaidi (2012) yang berkaitan dengan PRK Parlimen Batu Sapi, Sabah menghujahkan bahawa pola pengundian di negeri ini menunjukkan pengundi Bumiputera Islam lebih cenderung dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan, berbeza pula dengan pengundi Cina yang cenderung kepada PKR yang bergantung kepada sentimen politik mahupun kepada SAPP yang popular sebagai bekas Ketua Menteri Sabah yang telah memperjuangkan isu kenegerian dengan slogan “Sabah untuk rakyat Sabah”. Secara realitinya dapat dilihat bahawa sentimen politik pembangunan ini masih lagi menjadi pertimbangan pengundian dalam kalangan pengundi di Batu Sapi. Selaras dengan itu, Muhamad Agus (1992) telah menerangkan bahawa sekalipun masih tidak sehebat berbanding politik perkauman di Semenanjung Malaysia, pola pengundian pengundi di Sabah lebih menjurus kepada aspek kaum atau etnik itu sendiri dan secara tidak langsung mendorong suatu fenomena kecenderungan etnik-etnik di Sabah untuk bekerjasama dalam politik dan pilihan raya bagi tujuan memastikan kepentingan setiap kaum atau etnik di Sabah terjamin..

Seiring berjalannya waktu, adalah penting kajian literatur yang terkini juga dipadatkan bagi melengkapi lagi kajian kes ini agar maklumat yang dimuatkan mengikut peredaran masa. Oleh itu, sebuah koleksi yang mengumpulkan pelbagai perspektif baik daripada para sarjana, wartawan serta aktivis sosial di Sabah untuk menganalisis kesan pilihan raya terhadap penyebaran Covid-19— apa yang berlaku, mengapa dan implikasinya yang mencakupi politik Sabah dan Malaysia. Kajian Welsh et al. (2021)

bukan sahaja menyatakan perhatian berpusat pada kesan pilihan raya pertama sewaktu pandemik di Malaysia semata-mata, namun kajian yang mendalam terhadap peranan hubungan negara-persekutuan dalam membentuk politik Sabah turut diberikan keutamaan. Kajian ini turut mengubah paradigma ini dengan menyatakan bahawa politik di Sabah perlu lebih difahami dengan mengambil kira gambaran sebenar keadaan di Sabah dengan berpaksikan semangat juang orang Sabah untuk terus cuba mengemudi kehidupan mereka di hujung pinggir peta Malaysia itu.

9.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk memberi kefahaman secara terperinci tentang pola pengundian rakyat Sabah semasa PRU DUN Sabah 2020 terutamanya boleh dijadikan rujukan bagi khalayak umum untuk meningkatkan literasi politik mereka, khususnya yang melibatkan pilihan raya ini seiring dengan pelaksanaan umur kelayakan pengundi yang akan diturunkan kepada 18 tahun sebagaimana pindaan kepada peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.. Perkara ini dijangka akan berkuatkuasa pada pilihan raya yang seterusnya, maka adalah sangat penting bagi belia untuk didedahkan kepada pengetahuan asas politik negara sejak awal lagi agar dapat membantu untuk membina perspektif baharu dan segar tentang politik. Kepentingan kajian ini turut meliputi kepada perkembangan ilmu pada masa akan datang. Pelbagai perbincangan mengenai PRU DUN Sabah 2020 telah dimuatkan dalam kertas kajian ini baik daripada peristiwa yang menyebabkan pilihan raya diadakan sewaktu pandemik sehinggalah kepada liputan hari pengundian itu sendiri. Impak pilihan raya ini kepada politik dan sosioekonomi turut dibincangkan bagi menghasilkan sebuah kajian yang komprehensif dan mutakhir bagi rujukan pada masa akan datang. Justeru, perkembangan intelektual ini diharapkan dapat dimanfaatkan di samping meningkatkan semangat inkuiri di kalangan masyarakat.

Kepentingan kajian yang seterusnya dapat dijadikan sebagai panduan bagi gerak kerja agensi kerajaan dalam melaksanakan strategi politik pilihan raya secara berstruktur dan terperinci. Kerajaan Malaysia masih belum mengkaji semula segala undang-undang yang mentadbir pilihan raya dan proses berkempen bagi menyahut seruan

rakyat jelata yang mahu melihat proses keterbukaan. Ketika rakyat Malaysia berusaha keras ke arah memperjuangkan proses yang lebih terbuka, kertas kajian ini dapat dijadikan panduan bersama. perancangan kempen tidak hanya sekadar himpunan aktiviti-aktiviti dalam sesuatu kempen pilihan raya, perancangan kempen sebenarnya lebih daripada itu. Perancangan kempen yang baik dan berkesan dibuat berbulan-bulan malah bertahun-tahun sebelum berlangsungnya pilihan raya. Ini adalah bagi membolehkan proses membina semula parti dan tugas-tugas berkerajaan baik yang diperlukan untuk dipilih atau dipilih semula berada dalam keadaan yang dikehendaki.

Di samping itu, kajian ini juga mempunyai kepentingan yang tersendiri di mana ia dapat menjadi panduan dan rujukan bagi pilihan raya pada masa akan datang di mana ia akan mengubah landskap dan senario politik di tanah air. Meskipun sudah dijelaskan pada bahagian awal skop kajian bahawa kajian yang dijalankan hanya sebatas menerangkan PRU DUN Sabah 2020 dan tidak boleh diaplikasikan untuk menerangkan pilihan raya lain, namun terdapat juga beberapa konteks di dalam kajian ini yang signifikan dan wajar dijadikan kompas terhadap kerangka pilihan raya pada masa akan datang. Selain daripada itu juga, wajarlah kajian ini dijadikan sebagai teladan kepada segenap masyarakat tanpa mengira usia mahupun kedudukan kewangan, betapa ketaranya impak pasca PRU DUN Sabah 2020 terhadap senario politik serta sosioekonomi yang kian memberi dampak kepada kehidupan seharian setiap masyarakat baik secara fizikal serta mental demikian kerana penularan jangkitan Covid-19 yang tiada nampaknya berpenghujung ini.

10.0 SEBAB PILIHAN RAYA NEGERI DUN SABAH DIADAKAN

Kemelut politik yang melanda Malaysia sejak awal tahun 2020 secara tidak langsung melemahkan institusi Dewan Undangan Negeri Sabah. Pembubaran Dewan Undangan Negeri pada tarikh 29 Julai 2020 yang diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menjadi titik mula Pilihan Raya Umum Negeri Sabah (PRN Sabah). Secara dasarnya, PRN Sabah Kali ini ke-16 ini telah diadakan secara mengejut di mana menyaksikan mantan Ketua Menteri Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Sibuga iaitu Tan Sri Datuk Seri Musa Aman membuat keterangan bahawa beliau mendapat sokongan majoriti mudah dengan

tujuan membentuk kerajaan negeri sekaligus menjawat jawatan Ketua Menteri Sabah yang baharu. Junaidi et al. (2020) melalui kajian beliau dalam PRN Sabah menghujahkan Datuk Seri Shafie Apdal mengambil cakna perkara itu dan merasakan percaturan politik yang kelihatan tidak berkesudahan di Negeri di Bawah Bayu ini daripada pihak pembangkang berjaya mengumpulkan sejumlah ADUN Sabah dengan majoriti mudah untuk beralih sokongan kepada bekas Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Seri Musa Aman untuk dilantik sebagai Ketua Menteri baru. Pergelutan politik yang melanda negara bermula apabila Malaysia diterajui oleh kerajaan dari Pakatan Harapan (PH) di bawah pucuk pimpinan Tun Dr Mahathir selepas meraih majoriti dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang menyaksikan terdapat banyak ketidaksefahaman dan masalah yang melibatkan tentangan dari parti-parti politik yang lain.

Pergelutan antara parti-parti politik di Malaysia bukanlah suatu perkara yang baharu malah ianya merujuk kepada keperibadian ahli politik sendiri mahupun sejarah silam parti politik tersebut. Dalam menelusuri tentang Pilihan Raya Negeri Sabah ini, Parti Warisan Sabah (Warisan) merupakan suatu parti baharu yang mula diwujudkan pada Oktober 2016 dan diketuai oleh Datuk Seri Mohd Shafie Apdal selepas beliau dipecat di dalam kabinet sselepas menyentuh isu 1MDB. Meskipun begitu, semasa pemerintahan PH beliau berjaya mengekalkan kedudukannya semula dan melaksanakan segala tanggungjawab beliau selama dua puluh enam bulan sehingga berlakunya kemelut politik pada Julai 2020. Tambahan daripada itu, sebanyak 14 orang ADUN daripada Warisan Plus telah mencapai sebulat suara untuk menarik sokongan terhadap beliau dan berpihak kepada Musa Aman. Sejurus selepas kehilangan majoriti sokongan, Datuk Seri Shafie Apdal mengambil keputusan bagi melakukan pembubaran ini selepas menghadap Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Johar Mahiruddin. Di samping itu, Musa Aman yang pernah berkhidmat selama 15 tahun dan berakar umbi dalam parti United Malays National Organisation (UMNO) itu juga pernah digulingkan oleh beliau semasa PRU sebelum ini iaitu Pilihan Raya Umum 2018. Musa Aman yang terkenal dengan kemahiran permainan politiknya mencatitkan lagi portfolio beliau sebagai Ketua Menteri Sabah sebelum ini sekaligus mempunyai sekutu untuk bersama-sama menggulingkan Shafie Apdal. Oleh itu, Pilihan Raya Negeri Sabah dilaksanakan atas dasar usaha untuk menentukan struktur

pentadbiran yang terbaik sekaligus mewujudkan keharmonian dalam berpolitik di Sabah walaupun ianya terpaksa dilakukan semasa negara sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19 dan menjalani Perintah Kawalan Pergerakan yang masih berkuat kuasa ketika itu.

11.0 PENGUMUMAN OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan sebuah badan organisasi yang bertanggungjawab dalam setiap pilihan raya yang diadakan di Malaysia termasuklah Pilihan Raya Umum (PRU), Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Kecil (PRK). Fungsi utama SPR adalah membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri pada setiap atau kurang daripada 8 tahun selepas tarikh selesai urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu. Selain itu, tanggungjawab SPR juga adalah menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih serta menjalankan PRU ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan PRK sekiranya terdapat kekosongan kerusi dalam negeri atau kawasan tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa SPR memainkan peranan yang besar terhadap negara bagi menjalankan proses pilihan raya yang mana merupakan amalan tradisi bagi negara demokrasi mengikut dasar SPR iaitu untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini melalui pilihan raya yang bebas dan adil.

Dalam konteks Pilihan Raya Negeri Sabah kali ke-16 ini, SPR mengurus dan mentadbir pilihan raya ini mengikut aspek teknikal yang telah ditetapkan bermula daripada peringkat pra-pilihan raya sehinggalah tamatnya pilihan raya. Kota Kinabalu menjadi saksi penetapan hari-hari yang penting dalam PRN Sabah kali ini di mana Timbalan Pengerusi SPR, Dr Azmi Sharom menyatakan bahawa hari penamaan calon adalah pada 12 September manakala hari mengundi awal pada 22 September (Berita Harian Online 2020). Seterusnya, bagi proses pengundian pos luar dan dalam negara iaitu bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Media dan Petugas Pilihan Raya, permohonan undi telah dibuka pada 17 Ogos sehingga 11 September bagi memohon kertas undi pos melalui majikan masing-masing. Tempoh berkempen pula ditetapkan pada 11:59 malam 25 September iaitu 14

hari bermula selepas pengisytiharaan calon yang bertanding. Penetapan tarikh- tarikh berikut adalah untuk memastikan proses pilihan raya berlaku dengan teratur dan telus. Setiap parti atau calon mahupun pengundi perlu mengambil maklum setiap tarikh yang ditetapkan agar setiap rakyat cakna dengan perjalanan proses.

12.0 HARI PENAMAAN CALON

Hari penamaan calon adalah proses utama bagi mengenalpasti calon yang bertanding di setiap kawasan pilihan raya. Secara amnya, proses penamaan calon di Sabah dijalankan semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan berikutan dengan kes Covid-19 yang agak sederhana pada ketika itu. Perjalanan proses agak sedikit berlainan daripada pilihan raya yang diadakan sebelum kerana ianya bagi mengelakkan keadaan yang sesak atau dipenuhi orang ramai. SPR telah mengambil keputusan untuk menyusun beberapa had berdasarkan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan iaitu dewan atau kawasan penamaan calon hanya boleh menempatkan calon, penyokong dan pencadang. Meskipun begitu, penyokong yang turut hadir dilarang untuk melakukan sebarang perhimpunan atau berkumpul di kawasan sekitar sepanjang tempoh penamaan calon dilaksanakan. Pada 12 September 2020, sebanyak 73 pusat penamaan calon yang terdiri daripada dewan dan sekolah hanya dibenarkan berlangsung pada pukul 9 pagi hingga 10 pagi dengan tiada tempoh bantahan oleh mana-mana pihak. Dalam pada masa yang sama, masih terdapat segelintir penyokong-penyokong calon yang masih berhasrat untuk berkumpul bagi menyokong calon pilihan mereka di luar pusat penamaan calon. Misalnya, terdapat beberapa lokasi yang melakukan perkara tersebut namun mereka masih lagi mengamalkan penjarakan sosial di antara mereka di mana sebuah khemah telah disediakan dengan bilangan kerusi yang mempunyai jarak 1 meter. Antara lokasi tersebut adalah di luar Dewan Seri Sulaman di Tuaran, Wisma Wanita Kota Kinabalu dan Dewan Masyarakat Tawau tetapi berdasarkan kenyataan media SPR perhimpunan seperti ini tidak disurakan oleh Pasukan Penguatkuasa Pilihan Raya (PP-KPR). Sepanjang tempoh proses ini berlangsung, tiada sebarang insiden yang tidak terkawal berlaku dan ianya berjalan dengan teratur dan lancar mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan SPR telah melunaskan tanggungjawab dengan jaya serta profesional dalam mengendalikan hari penamaan calon dalam situasi pandemik yang masih berlaku

13.0 SENARAI CALON PILIHAN RAYA NEGERI SABAH

Pilihan Raya Sabah kali ke-16 menyaksikan pertembungan calon-calon yang mempunyai tujuan yang sama iaitu ingin mendapat tempat di hati rakyat. Secara keseluruhan, seramai 447 kertas pencalonan telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang terdiri daripada 16 parti dan 56 calon Bebas bagi menyandang 73 kerusi DUN yang dipertandingkan dalam PRN ini. Antara parti-parti yang bertanding adalah Parti Warisan Sabah (WARISAN), Parti Cinta Sabah (PCS), Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN), Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Gagasan Rakyat Sabah (GAGASAN), Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS), Parti Harapan Rakyat Sabah (Harapan Rakyat), Parti Kerjasama Anak Negeri (Anak Negeri), Parti Kebangsaan Sabah (PKS) dan Bebas. Berdasarkan analisis bilangan calon daripada setiap parti, PCS adalah merupakan satu-satunya parti yang meletakkan calon di semua 73 kerusi DUN, diikuti WARISAN 66 kerusi, BN 41 kerusi, USNO Baru 47 kerusi, LDP 46 kerusi, BN 41 kerusi, PN 29 kerusi, GAGASAN 28 kerusi, PPRS 24 kerusi, Parti Harapan Rakyat Sabah 5 Kerusi, Anak Negeri 2 kerusi, PKS 1 kerusi dan calon Bebas sebanyak 56 kerusi serta satu kerusi yang ditolak atas sebab calon diisytihar muflis sekaligus menjumlahkan 446 calon berjuang merebut 73 kerusi kesemua sekali.

Tambahan itu, 73 kerusi DUN yang bertanding itu menyaksikan calon-calon yang cukup hebat serta mempunyai pengalaman tersendiri dalam berpolitik. Kekuatan dalam mencari jalan untuk mendapatkan sokongan undi daripada rakyat adalah tertakluk kepada sesuatu kawasan mengikut bilangan lawan parti-parti yang bertanding. Sebagai contoh, DUN Bengkoka yang asalnya merupakan 13 kerusi baru yang diperkenalkan atas dasar persempadanan semula selepas diluluskan oleh Dewan Rakyat telah menjadi kawasan pertarungan yang sengit apabila merekodkan pertarungan 11 calon dalam masa yang sama dan diikuti dengan DUN Inanam sebanyak 10 penjur. Analisis daripada Pengerusi SPR mendapati pada PRN kali ini pertembungan adalah sengit kerana jumlah penjur agak meningkat jika dibandingkan dengan pilihan raya sebelumnya termasuklah 3 DUN yang melalui sembilan penjur, 6 DUN lapan penjur, 13 DUN tujuh penjur, 26 DUN enam penjur, 15 DUN lima

penjuru dan 5 DUN empat penjuru dan 3 DUN terakhir menyaksikan tiga penjuru (Asyikin & Erdiehazzuan 2020). Hasil daripada pertarungan dalam kesemua penjuru ini akan mencapai kata sepakat bahawa siapakah yang mendapat sokongan undi yang paling banyak antara mereka. Umum mengetahui, wujudnya dua gabungan hasil daripada gabungan beberapa parti membentuk sebuah parti iaitu Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Warisan Plus. GRS terdiri daripada parti PN ,BN dan Parti Bersatu Sabah (PBS) manakala Warisan Plus pula dianggotai WARISAN, PKR dan UPKO. Oleh yang demikian dengan terdapatnya gabungan ini jumlah calon yang diletakkan dalam setiap kerusi yang membawa kemenangan akan menjumlahkan majoriti kemenangan dalam PRN Sabah.

14.0 PERJALANAN KEMPEN PILIHAN RAYA NEGERI SABAH

Politik di Sabah sering kali dianggap sebagai politik yang agak getir kerana fenomena-fenomena berpolitik sering berlaku antara pencatur-pencatur kuasa. Menerusi PRN Sabah, kempen pilihan raya mula dijalankan secara rasmi selepas diumumkan selepas selesai penamaan calon iaitu pada 12 September tetapi fakta memberi gambaran bahawa kempen ini telah mula dijalankan secara halus bermula pada akhir bulan Julai selepas pembubaran DUN. Pelbagai strategi dan tindakan mula diketengahkan dengan tujuan untuk mendapat tempat di hati rakyat Sabah menggunakan pelbagai platform seperti media sosial dan poster yang digantung di setiap pelusuk negeri Sabah. Dalam pada itu, berlakunya rundingan yang agak sukar mula diterajui oleh pakatan politik bagi menghambat kempen dan memulakan petempuran mengikut agenda masing-masing untuk 73 kawasan yang berbeza. Margit Tavits (2008), memposisikan kedinamikan persaingan parti itu dengan andaian bahawa pengundi membuat keputusan melalui perbandingan keutamaan mereka sendiri terhadap sesuatu isu dan polisi dan juga polisi sesuatu parti itu ke atas isu yang sama. Oleh itu, kempen pilihan raya yang berlaku dijalankan dalam bentuk partisipasi oleh rakyat untuk terlibat sama dalam politik dan diklankan secara meluas. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa melalui kempen merupakan suatu masa yang mustahak menunjukkan penglibatan politik yang sengit antara pengundi dan ahli politik dalam sesuatu pilihan raya. PRN Sabah memperlihatkan sedikit perbezaan dalam berkempen

kerana Sabah mempunyai identiti yang tersendiri iaitu ‘Sabah Style’ di mana ianya terikat dengan sosok yang unik berdasarkan realiti demografi politik negara. Fokusnya membincangkan tentang cabaran kehidupan yang dilalui oleh rakyat Sabah serta perkembangan aliran yang lebih luas yang menunjukkan pendekatan berlandaskan ‘etnik’ menjadi teras utama bagi menganalisis situasi politik dengan lebih jelas. Oleh itu, empat ciri tentang bagaimana kempen dilaksanakan dalam PRN Sabah ini telah dikenalpasti selepas membuat kajian yang menyeluruh dalam perjalanan kempen ini iaitu penyampaian mesej, mobilisasi, kesetiaan serta perpecahan dan telah dikategorikan kepada dua kaedah iaitu kaedah tradisional dan juga kaedah alternatif. Intihanya, ciri penyampaian mesej dan merupakan antara ciri yang menonjol dalam PRN Sabah 2020 berikutan keadaan Covid-19 yang mengurangkan aktiviti fizikal semasa berkempen.

14.1 Kaedah Tradisional

Kaedah tradisional atau kaedah konvensional merujuk kepada kempen yang diadakan secara fizikal seperti adanya ceramah-ceramah umum dan ceramah berkelompok yang dianjurkan oleh parti-parti mahupun calon yang bertanding bagi merapatkan hubungan bersama rakyat. Aktiviti-aktiviti melibatkan perjumpaan yang melibatkan orang ramai serta kawasan yang luas bagi menempatkan orang ramai yang hadir ke program tersebut. Namun demikian, segalanya harus dilupakan seketika bagi kempen PRN Sabah kali ini kerana sehubungan dengan krisis Covid-19 yang melanda negara. Negara masih lagi dalam proses untuk mengawal dan mencari jalan untuk membendung krisis ini daripada terus tersebar dengan lebih meluas. Oleh itu, menerusi berdasarkan arahan daripada Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia menggesa seluruh rakyat Malaysia untuk menjaga keselamatan diri dan semua dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard SOP yang telah ditetapkan. Justeru itu, kaedah ini dilihat tidak dapat dilaksanakan dengan jumlah yang ramai kerana bimbang akan meningkatkan penularan wabak Covid-19.

Sementara itu, SPR juga telah menetapkan SOP yang tertentu sepanjang kempen pilihan raya yang diadakan dalam keadaan tertentu. Malangnya, masih ada lagi sesetengah individu yang ingkar dengan peraturan ini tanpa rasa tanggungjawab

semasa aktiviti berkempen dijalankan. Walaupun hampir keseluruhan memakai pelitup muka namun penjarakan sosial dilihat seperti biasa sahaja tanpa jarak 1 meter. Hal ini kerana, melalui kaedah penyampaian ini lebih sesuai untuk melakukan rapat umum, melontarkan janji-janji serta manifesto sesebuah parti tersebut. Misalnya, perdana Menteri juga turut bersama-sama turun padang untuk menyampaikan ucapannya dengan mengajaka rakyat di kawasan tersebut agar memilih calon PN dan PBS dalam PRN kali ini supaya pemerintahan negeri sehaluan dengan kerajaan pusat (Asyikin 2020). Selain daripada itu, aktiviti meramah mesra juga telah diatur bagi mendapatkan sokongan dan perhatian pengundi. Menerusi kajian, calon Warisan Plus yang mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) Kapayan Jannie Lasimbang mendekati penduduk di kawasan itu dengan menghadiri acara kebudayaan di Kampung Nagasiba, Penampang yang dilihat hampir 10 kilometer dari pusat bandar raya. Jadi, dapat disimpulkan kaedah tradisional ini masih dijalankan kerana ianya dianggap relevan bagi parti-parti yang bertanding demi matlamat meraih sokongan undi daripada rakyat Sabah.

14.2 Kaedah Alternatif melalui Sosial Media

Pelbagai metod yang dilakukan untuk menjayakan kempen semasa PRN Sabah dan ianya agak terhad kerana situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara. Kaedah penyampaian mesej ini merupakan kaedah yang memang menjadi pilihan utama semasa berkempen dan aktiviti ini lebih memudahkan rakyat untuk menyertainya kerana ianya terbuka namun berikutan pandemik yang menjadi penghalang bagi melaksanakan aktiviti ini, media sosial menjadi tumpuan utama. Melalui penyampaian mesej secara profesional membantu kempen itu berlangsung dengan efektif dan jelas dengan tujuan utamanya. Misalnya, poster kempen Sabah yang popular pada ketika itu adalah paparan iklan daripada parti Warisan Plus dengan slogannya 'Unity' yang dikatakan mirip seperti gaya Presiden Obama -'Hope' manakala parti Perikatan Nasional pula mengenakan slogan #kitajagakita sebagai mesej dalam kempen masing-masing (Malaysiakini). Ungkapan 'Unity' itu menyandang kepada kepimpinan Shafie Apdal yang mengaitkan dengan mesej perpaduan dan maruah. Selain itu, ungkapan yang terkandung dalam poster itu juga dilihat mengandungi ungkapan 'We are here to build a nation, not a particular race or religion' membawa maksud yang tersirat

menerangkan bahawa keutuhan dalam membina bangsa tanpa membezakan agama mahupun bangsa dan dipenuhi dengan kebebasan.

Kekuatan melalui mesej ini mampu mempengaruhi rakyat dengan melambangkan jati diri sesebuah parti itu erdasarkan setiap baris dalam poster yang menjadi wacan utam dalam berkempen. Hal ini demikian kerana, persoalan tentang keutuhan membina bangsa tanpa wujudnya perbezaan agama dan bangsa itu mempunyai matlamat tersendiri iaitu sedikit sindiran kepada parti Barisan Nasional (BN) yang menunjukkan kepimpinan yang memecahbelahkan bangsa dan juga agama. Keunikan dalam menghasilkan mesej tersendiri memberi seribu satu makna yang mempunyai objektif tertentu bagi menghasilkan identiti parti tersebut. Bagi GRS pula, yang terdiri daripada tiga parti utama dan salah satunya adalah Perikatan Nasional menggunakan slogan #kitajagakita dan memanfaatkan populariti Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam usaha beliau memberi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang menggunakan slogan yang sama. BPN ini adalah bertujuan untuk membantu rakyat dalam masalah ekonomi lalu GRS menyedari bahawa rakyat Sabah ini juga menghadapi kepincangan utama dari segi ekonomi sekaligus ingin membina perpaduan bagi memperkukuhkan imej pelindung kepada rakyat. Kesimpulannya, mesej-mesej ini berkongsi niat yang sama iaitu sebagai daya tarikan bagi mendapatkan tumpuan rakyat berdasarkan perbincangan mengenai dasar bagi menangani cabaran rakyat Sabah.

15.0 ISU-ISU NEGERI SABAH

Sabah tidak pernah lekang dengan isu-isu hangat yang sering menjadi bualan di peringkat negeri mahupun nasional. Sepanjang tempoh menjelang PRN Sabah terdapat dua isu yang berbangkit dan dijadikan fokus utama dalam kalangan pemimpin antaranya ialah masalah pendatang asing tanpa izin dan keselamatan rakyat. Umum mengetahui, masalah tentang pendatang asing ini bukanlah perkara baharu kerana sejak zaman sebelum Sabah merdeka lagi isu ini telah pun berbangkit di mana pada ketika itu lebih popular tentang penghijrahan rakyat Filipina dalam zaman empayar Sri Vijaya. Tambahan daripada itu, ketika zaman itu orang di Selatan Filipina telah pun mengadakan hubungan perdagangan, politik dan kebudayaan

dengan wilayah Borneo yang lokasinya di dalam Gugusan Pulau-Pulau Melayu (Zaide 1978). Beralih pula kepada Sabah setelah merdeka iaitu pada 16 September 1963 sehingga hari ini, setiap parti-parti politik yang berjaya menjadi kerajaan turut mendepani masalah ini namun dasar dan polisi yang berbeza dimainkan oleh mereka bagi membendung isu ini daripada terus berleluasa. Meskipun begitu, sehingga hari ini masalah ini kian menjadi tanda tanya tentang bilakah isu ini kan berakhir? Dalam konteks PRN Sabah ini, senario politik yang berlaku di Sabah sering menjadikan masalah pendatang asing tanpa izin ini sebagai salah satu pendekatan yang akan dibawa dalam proses berkempen kerana ia dilihat menguntungkan untuk meraih undi. Terdahulu, semasa kerajaan negeri dipimpin oleh Datuk Shafie Apdal terdapat tuduhan yang dilontarkan oleh pihak pembangkang yang menyatakan parti Warisan adalah parti mesra PATI dan parti lanun. Hal ini menjadikannya sebagai sasaran untuk menjatuhkan parti tersebut. Pendatang-pendatang ini mendiami Sabah tanpa sebarang dokumen yang sah atau lebih tepat sebagai tindakan menceroboh yang menyebabkan kadar keluar masuk ke dalam negara tidak dapat dikawal lagi apabila mereka menggunakan jalan-jalan tikus di sekitar negeri Sabah khususnya. Dalam meniti era pembangunan ini, bagi negara yang sedang membangun kehadiran pendatang asing ini mempunyai kepentingannya tersendiri dalam sistem ekonomi sesebuah negara dan ini termasuklah negara Malaysia. Secara keseluruhan, Malaysia sendiri dilihat mengalami masalah kekurangan tenaga pekerja dalam sektor pekerjaan yang berisiko berikutan rakyat negara di negara kita yang terlalu memilih pekerjaan. Meskipun begitu, hari demi hari pendatang asing ini mula memenuhi ruang pekerjaan serta peningkatan jumlah kedatangan juga semakin meningkat sekaligus mendapat perhatian daripada kerajaan. Kerajaan masih lagi tidak dapat mengawal masalah ini akibat daripada konsistensi yang lemah dalam dasar mengenai pekerja asing berikutan krisis politik yang turut menyumbang kepada permasalahan ini. Dalam konteks pilihan raya kali ini, isu pendatang asing ini masih lagi relevan dalam perbincangan pentadbiran negeri Sabah. Jadi, menjelang PRN Sabah ini, GRS menggunakan perkara ini sebagai janji-janji semasa berkempen dengan harapan untuk menyelesaikan isu ini apabila mereka mendapat mandat rakyat daripada rakyat (Rafiqah Dahali 2020).

Isu melibatkan keselamatan rakyat adalah isu yang besar yang tidak disedari kerana kebanyakan orang ramai mengambil mudah tentang perkara yang lebih mendesak dan

penting. Isu itu adalah merujuk kepada tuntutan yang ditekankan oleh Filipina terhadap Sabah yang kian memuncak. Teodoro Locsin Jr. iaitu Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina telah membuat kenyataan secara terbuka bagi menjelaskan bahawa Sabah bukan milik Malaysia pada tarikh 27 Julai yang lalu. Perkara ini telah pun menimbulkan kontroversi pada suatu masa dahulu dimana kontroversi tuntutan Filipina ke atas Sabah oleh Presiden Rodrigo Duterte pada tahun 2016 (Mohammad Fairuz 2020). Di samping itu, kerajaan Filipina juga turut didakwa akan mewujudkan semula pejabat Hal Ehwal Borneo Utara iaitu di Jabatan Hal Ehwal Luar (DFA) di negara itu. Keputusan yang membenarkan cetakan peta Filipina juga telah dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Luar Negara Filipina yang dilihat telah meliputi kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan Sabah ke dalam passport negara itu. Rata-rata rakyat di Sabah amat bimbang soal ini dan menolak sekeras-kerasnya tuntutan ini dan menuntut Filipina bagi menghentikan provokasi berkenaan. Keselamatan rakyat juga tidak terjamin jika isu ini dipandang remeh oleh kerajaan kerana pencerobohon secara sulit mungkin akan diadakan tanpa pengetahuan umum. Presiden Parti Warisan, Datuk Shafie Apdal pernah membawa usul ini dan bercita-cita untuk mengadakan rundingan oleh kerajaan Persekutuan dengan Filipina. Namun begitu, usaha ini tidak mendapat sambutan setelah Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menolak perundingan itu daripada terus berlaku kerana beliau menyifatkan bahawa Sabah selamanya sebahagian dari Malaysia. Matlamat untuk menyelesaikan isu ini kurang didengari walaupun Ahli Parlimen Batu Sapi telah menyatakan perkara ini di dewan rakyat bagi mengecam tindakan Filipina ini. Kesimpulannya, perkara ini tidak mempunyai kata putus oleh kerajaan Persekutuan dan terus akan membimbangkan rakyat Sabah untuk mempertahankan kedudukan mereka.

16.0 HARI PENGUNDIAN

Hari pengundian merupakan hari kemuncak dalam sesebuah pilihan raya yang diadakan. Tanggal 26 September 2020 menjadi saksi utama pergerakan calon-calon yang bertanding serta pengundi-pengundi yang keluar untuk mengundi bertemankan ragam dan aktiviti masing-masing. Statistik daripada SPR menunjukkan seramai 14935 pengundi telah mengundi secara pos pada 22 September manakala pengundi biasa yang berdaftar pada PRN Sabah ialah 1,103,646 menjalankan tanggungjawab

mereka untuk mengundi serta memilih wakil rakyat yang dilihat layak untuk mewakili rakyat di mata mereka. Jika ditelusuri, terdapat 741 pusat mengundi dan 56 pusat mengundi awal telah disediakan dan menempatkan 2,540 saluran tempat mengundi semasa hari pengundian. SPR juga menjalankan amanah dengan baik menerusi PRN Sabah ini dengan menyediakan segala kemudahan termasuklah petugas-petugas yang akan dilantik bagi mengendalikan proses pilihan raya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Seawal jam 7:30 pagi sehinggalah 5:00 petang, merupakan waktu bagi calon-calon yang bertanding serta orang ramai untuk menurunkan undi mereka.

Berikutan negara masih lagi mendepani wabak Covid-19 yang masih lagi aktif menular di negara kita, Kad Pengundi merupakan alternatif yang dijalankan oleh SPR dan dihantar kepada pengundi dengan tujuan segala perincian maklumat pengundian dapat diketahui oleh mereka sekaligus membantu dalam penjarakan fizikal di pusat mengundi. Hal ini adalah berdasarkan pengalaman yang pernah dikendalikan SPR semasa menjalankan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Chini dan DUN Slim berteraskan Prosedur Operasi Standard atau lebih dikenali sebagai SOP yang merupakan frasa yang berasal daripada bahasa Inggeris, *Standard Operation Procedure* dan membuktikan kedua-dua pilihan raya dapat dijalankan dengan baik walaupun negara dilanda wabak ini. Junaidi (2020) menjelaskan bahawa anggaran sebanyak RM 186 juta diperlukan dalam usaha untuk melaksanakan PRN Sabah ini. Bukan itu sahaja, kerajaan Sabah juga telah mengisytiharkan hari tersebut sebagai Hari Kelepasan Am Khas bagi memberi kemudahan rakyat Sabah menunaikan hak mengundi masing-masing (Berita Harian Online 2020). Seperti yang diterangkan, SPR sekali lagi membuat keputusan yang tepat dalam pengendalian hari mengundi di mana pemilihan tempat adalah bersesuaian yang melihatkan terdapat kerusi-kerusi yang disediakan untuk pengundi yang beratur dalam keadaan yang panjang di sesetengah pusat pengundian serta kerjasama yang diberikan oleh orang ramai dalam mengekalkan penjarakan fizikal dan ini membuktikan bahawa perjalanan seharian dalam proses pengundi berjalan lancar hingga ke saat akhir.

17.0 KEPUTUSAN PILIHAN RAYA NEGERI SABAH

Pengiraan undi setelah berakhirnya proses pengundian melahirkan sebuah keputusan yang menjadi penantian setiap rakyat Sabah. Gabungan Rakyat Sabah (GRS) telah membolot kemenangan dalam PRN Sabah kali ini dengan memperolehi majoriti mudah dengan memenangi 38 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 73 kerusi yang dipertandingkan. GRS yang dianggotai oleh Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) berjaya mengumpul kemenangan di kawasan dengan masing-masing berjaya memenangi 17 kerusi, 14 kerusi dan 29 kerusi. Dari sudut yang lain, Warisan Plus hanya berjaya memenangi 32 kerusi yang terdiri daripada Parti Warisan Sabah (Warisan) sebanyak 29 kerusi, Parti Keadilan Rakyat (PKR) memenangi 2 kerusi manakala Parti Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) menang hanya satu kerusi. Namun begitu, calon Bebas juga tiada kurangnya di mana 3 kerusi telah dibolot melalui pilihan raya ini.

Fokus utama dalam kemenangan GRS adalah apabila penguasaan 9 daripada 13 kerusi baharu yang dipertandingkan dalam PRN tersebut berjaya dirangkul olehnya. Perincian kemenangan itu dijelaskan dengan 5 kerusi telah dimenangi BN, 3 kerusi memihak kepada PN dan PBS memiliki satu kerusi. Sementara itu, baki kerusi tersebut diterajui oleh Warisan Plus sebanyak 4 kerusi yang meliputi DUN Darau, Limbahau, Segama Dan Kukusan (Harian Metro Online 2020). Kekuatan yang dibawa oleh Pengerusi BN Sabah yang turut dikenali sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin juga berjaya meraih 3,035 undi di DUN Lamag. Hal ini juga, telah mengalahkan empat calon pihak lawan yang terdiri daripada Warisan, Parti Cinta Sabah (PCS), Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS) dan Bebas. Selain itu, bagi DUN Bengkoka yang menyaksikan 10 penjurong juga berjaya dibolot oleh BN menang dengan majoriti 1,337 mengalahkan pihak lawan serta banyak lagi kemenangan yang berpihak kepada GRS menerusi majoriti undi yang diperolehi. Selanjutnya, Warisan yang memenangi 4 kerusi daripada itu memperolehi majoriti 562 di DUN Darau, majoriti 2,523 di DUN Limbahau, majoriti 2,168 di DUN Segama dan DUN Kukusan majoriti 10. Keputusan ini telah membawa kepada kejayaan GRS membentuk kerajaan yang baharu dan Ketua Menteri baharu telah pun dilantik selepas mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertua

Negeri dan mendapat keputusan sebulat suara daripada GRS yang menamakannya sebagai calon Ketua Menteri Sabah. Datuk Hajiji Noor iaitu Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Sabah telah sah bergelar Ketua Menteri Sabah menggantikan kedudukan Datuk Sei Mohd Shafie Apdal.

18.0 FAKTOR KEMENANGAN DAN KEKALAHAN

18.1 Kemenangan GRS

Penglibatan Perikatan Nasional membawa keuntungan yang sangat besar kepada Gabungan Rakyat Sabah (GRS). Hal ini kerana pada tahun 2020, kepimpinan di bawah Perdana Menteri mencipta satu fenomena yang agak mencabar dalam mendepani pandemik Covid-19. Keterbukaan rakyat melalui pimpinan ini meningkat sejurus selepas melihat kemampuan kerajaan PN dalam menguruskan pandemik di negara. Oleh itu, kemampuan yang ditonjolkan ini dilihat lebih baik di Peringkat Persekutuan yang mempengaruhi sokongan undi rakyat di Sabah dan menghasilkan kemenangan kepada GRS. Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar menghujahkan bahawa beliau percaya bahawa antara faktor lain adalah dilihat dari segi keupayaan calon GRS yang lebih berupaya selain daripada sokongan parti bertanding. Rakyat Sabah mula celik mata dengan keupayaan GRS dalam usaha membina kerajaan baharu dan jaminan yang diberikan bagi mengakhiri kemelut politik kerana mereka telah mengimpikan sebuah kerajaan negeri yang bersatu hati dengan Persekutuan demi kebaikan mereka sendiri terutamanya dari segi pembangunan fizikal. Namun begitu, kemenangan yang disanjung oleh GRS ini adalah merupakan kemenangan dengan majoriti mudah dalam pilihan raya ini. Hal ini kerana, dengan 73 kerusi yang dipertandingkan hanya dengan 37 kerusi sahaja yang diperlukan untuk majoriti mudah. Faktor berikutnya adalah tentang reaksi pengundi Bumiputera di Sabah sendiri. Bumiputera Islam mahupun bukan Islam masing-masing mempunyai jati diri yang amat kuat dalam mengekalkan kedudukan mereka di Sabah. Bagi bumiputera Islam, mereka lebih menyokong dan merasai keprihatinan yang disampaikan oleh Perdana Menteri dalam usaha beliau memastikan seluruh rakyat kekal selamat dengan menyemai mesej-mesej melalui pengumuman-pengumuman di media arus perdana. Sifat beliau yang baik hati mendoakan kesejahteraan rakyat

dimainkan di setiap layar di media sosial terutamanya di kaca televisyen hampir setiap hari membuatkan pengundi bumiputera Islam kagun dengan pembawaan beliau. Lantaran itu, kempen-kempen yang dijalankan oleh PBS dan STAR pula berjaya mendapat tempat di hati golongan bumiputera Islam yang terdiri daripada variasi etnik. Pendekatan yang dibawa melalui kempen itu adalah berteraskan ketidakpuashatian kepada Warisan Plus yang menyatakan parti itu mesra pendatang yang boleh mengganggu gugat kedudukan dan populasi pengundi Kadazan Dusun Murut yang semakin mengecil pada hari ini. Jadi, kesemua faktor ini sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada Warisan Plus lalu menyebabkan Warisan Plus kurang dinamik di mata rakyat Sabah.

18.2 Kekalahan Warisan Plus

Warisan Plus memperoleh hanya 32 kerusi keseluruhannya hasil daripada tiga parti yang diterajuinya. Kebangkitan rakyat Sabah mula terpancar apabila mereka mula bersuara terhadap tindak-tanduk parti itu dalam memimpin kerajaan negeri pada masa yang lalu. Bentuk pimpinan yang diketuai oleh Datuk Seri Shafie Apdal itu hanya selama 26 bulan ternyata menimbulkan banyak reaksi dalam kalangan pengundi di Sabah kerana masalah ini boleh dikatakan berkait dengan liris tumbangnyanya kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu. Sekali lagi tidak dapat dinafikan bahawa kemenangan GRS berkait rapat dengan kemunculan 13 DUN baru yang dipertandingkan. Melalui analisis yang telah diteliti, impaknya sungguh besar terhadap Warisan kerana Warisan hanya berjaya mendapat 4 kerusi daripada 7 kerusi yang bertanding dan UPKO kalah di semua kerusi lalu memberi kemenangan kepada PBS dan BN. Walau bagaimanapun, Warisan yang sentiasa ditemani dengan pelbagai kontroversi sepanjang tempoh berkempen berjaya juga memenangi kerusi tersebut. Hal ini dapat dijelaskan apabila calon Warisan, Rina Jainal yang bertanding DUN Kukusan hanya mendapat 10 undi sahaja tetapi Warisan telah mendapat untung dari pecahan undi yang telah dicuri oleh parti lokal lalu mewujudkan kelebihan kerana undi parti Harapan Rakyat Sabah mencuri 796 undi (Hisommudin Bakar 2020). Akan tetapi, kekalahan ini juga turut dijelaskan akibat daripada peratusan keluar mengundi yang amat rendah dan tidak disangka-sangka. Pandemik Covid-19 merencatkan peratusan ini untuk pengundi keluar mengundi dan menunjukkan hanya 70 peratus

pengundi yang memangkah undi. Umum mengetahui, sokongan daripada pengundi muda berumur di bawah 40 tahun merupakan pecahan pengundi yang amat besar berdasarkan PRU-14 yang mendasari kemenangan Warisan. Oleh sebab itu, ianya memberi impak yang sangat-sangat besar kepada parti ini dan seolah-olah hilang sebelah sayap. Terdapat juga pengundi yang merasakan mereka sudah hilang kepercayaan disebabkan isu-isu yang terpalit dengan Datuk Shafie Apdal.

19.0 POLA PENGUNDIAN DAN KEPUTUSAN PRU DUN SABAH

PRN Sabah 2020 ini banyak dipengaruhi dengan isu-isu semasa yang melibatkan masalah negeri Sabah sendiri mahupun negara. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi bahawa pembangunan di Sabah adalah amat berbeza jika dibandingkan di Semenanjung. Oleh itu, selepas membuat kajian yang teliti berikutan isu ini, terdapat beberapa faktor yang amat mempengaruhi pola pengundian dan keputusan semasa PRN kali ini. Pembangunan di negeri Sabah merupakan isu terhangat dalam setiap zaman kerana struktur pembangunan agak lemah dan lambat akibat daripada pemerintahannya yang tidak selaras dengan Kerajaan Persekutuan. Seperti yang kita maklum, Sabah adalah negeri yang diperintah oleh Kerajaan Negeri di mana ianya berdasarkan parti politik yang memperoleh kemenangan dalam sesebuah pilihan raya yang diadakan. Junaidi 2020, menghujahkan pembangunan lebih mudah terlaksana jika semangat federalisme iaitu Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama apabila kedua-dua Kerajaan diperintah oleh parti politik yang sama. Melalui PRN Sabah kali ke-16, keterlibatan PN sebagai calon yang bertanding sedikit sebanyak telah membawa kepada keadaan yang sedikit berbeza. Permasalahan yang menjadi utama dalam pembangunan asas rakyat negeri Sabah adalah seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, hospital, klinik dan sebagainya lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman. Oleh itu, PN selaku kerajaan yang mewakili kepimpinan Putrajaya mengambil peluang dalam usaha ini dan mula mengatur strategi untuk mempengaruhi rakyat. Pendekatan yang dibawa adalah mereka menyatakan bahawa perlunya pimpinan Kerajaan Negeri Sabah yang sehaluan dengan pimpinan di Putrajaya dan dijadikan wadah utama dalam proses berkempen oleh Gabungan Rakyat Sabah (GRS) secara meluas. Secara tidak langsung, rakyat merasakan ini adalah peluang terbaik kepada mereka untuk memiliki kehidupan yang lebih baik dan mereka juga sanggup memberi

peluang kepada BN atas dasar kepercayaan pimpinan politik yang sudah berubah dalam kerajaan PN. Justeru itu, boleh dikatakan GRS ini pandai mencari peluang dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam usaha untuk mendapat tempat di hati rakyat.

Bukti yang jelas dan terkini adalah tentang isu Covid-19 yang mengubah keadaan dunia termasuklah negara Malaysia. Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dilihat sebagai insan yang banyak berjuang dalam usaha membendung krisis Covid-19. Beliau yang juga yang mewakili PN ternyata banyak memberi ruang dan peluang kepada GRS. Kerajaan PN menjalankan tanggungjawab dengan menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada seluruh Malaysia bagi mendepani pandemik Covid-19 di peringkat nasional dengan matlamat untuk mengurangkan beban yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik. Pada 23 September 2020, Perdana Menteri telah membuat satu pengumuman bagi menjelaskan bantuan menggunakan agenda politiknya bagi membuktikan bahwa kerajaan yang diketuainya berupaya memberi sinar kepada rakyat seperti moratorium selama enam bulan. Perkara ini adalah penangguhan moratorium bank yang diberikan selama enam bulan daripada segi pembayaran kereta, rumah dan pembiayaan peribadi. Jadi, melalui langkah ini, kemudahan dapat diberikan kepada rakyat apabila rakyat dapat mengalih pengeluaran duit berdasarkan aktiviti tersebut kepada sumber pendapatan untuk menampung kos sara hidup ketika pandemik ini termasuklah rakyat Sabah.

Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 juga merupakan antara bantuan terbesar yang diberikan dan melibatkan kos sebanyak RM7 bilion. BPN ini memperlihatkan bahawa golongan isi rumah B40 akan menerima bayaran tunai tambahan RM1,000 manakala golongan bujang B40 RM500, isi rumah M40 akan diberi RM600 dan bujang M40 menerima RM300 dan dikatakan bayaran akan dikreditkan pada penghujung Oktober 2020 dan Januari 2021. Oleh itu, sepanjang tempoh itu PRN Sabah telah dijalankan dan ini adalah langkah kanan untuk diwar-warkan. Seluruh rakyat termasuk rakyat Sabah semestinya gembira apabila mendengar berita seperti ini kerana ianya membawa kemudahan dalam kos sara hidup seharian. Di sinilah rakyat Sabah berasa terhutang budi terhadap bantuan yang diberikan oleh kerajaan (Awang Azman 2020). Meskipun begitu, hal ini turut menggambarkan punca utama kekalahan tipis WARISAN dalam PRN Sabah. Datuk Seri Mohd Shafie Apdal sebagai pengerusi WARISAN juga

menyumbang dan menghulurkan bantuan khususnya untuk negeri Sabah dengan menggunakan peruntukan Kerajaan negeri Sabah. Namun demikian, usaha beliau ini dilihat agak tenggelam kerana rakyat lebih melihat kepada pimpinan kerajaan di peringkat nasional berbanding Kerajaan Negeri. Jadi, jelaslah bahawa keadaan semasa amat mempengaruhi sosiopolitik dalam sesebuah kawasan penempatan masyarakat. Di samping itu, peratus keluar mengundi juga amat merosot akibat daripada wabak Covid-19 ini jika dibandingkan dengan pilihan raya sebelum ini iaitu pilihan raya sebelum-sebelum ini. Risiko keberjangkitan wabak ini amatlah tinggi di mana virus ini adalah sesuatu virus yang merebak melalui cecair dan juga sentuhan. Orang ramai yang sudah berdaftar sebagai pengundi juga mengambil maklum tentang hal ini lalu mengambil keputusan untuk tidak keluar mengundi kerana bimbang dengan risiko yang mungkin akan mengancam kesihatan diri mereka ketika proses pengundian. Statistik menunjukkan hanya 66 peratus sahaja jumlah pengundi yang menurunkan undi mereka dan jumlahnya sangat rendah. Rata-rata pengundi yang melakukan perkara ini adalah dalam kalangan pengundi Warisan Plus yang mana punca utamanya adalah faktor kewangan yang terhad untuk kembali kawasan masing-masing dan juga faktor kesihatan semestinya. Awang Azman (2020), sekali lagi memberi pandangan bahawa peratus pengundian yang rendah adalah salah satu punca kekalahan Warisan Plus dalam PRN Sabah 2020.

